

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Lukisan Geometri dan Fabrikasi Logam 8825/1 mengandungi dua bahagian.

Bahagian A wajib jawab semua soalan. Mengandungi enam soalan geometri dengan jumlah markah adalah 40 markah.

Bahagian B wajib jawab semua soalan. Mengandungi dua soalan lukisan fabrikasi logam dengan jumlah markah adalah 60 markah. Calon diperuntukkan masa 3 jam untuk menjawab bahagian A dan B.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhan pencapaian calon pada tahun 2003 adalah meningkat berbanding tahun 2002. Bilangan calon yang mendapat peringkat cemerlang bertambah, berbanding sebelumnya. Kekuatan calon boleh dilihat dalam menjawab soalan berbentuk lukisan isometrik, membina plat contoh dan binaan geometri. Soalan fabrikasi logam prestasi soalan 8 lebih baik berbanding soalan nombor 7. Namun masih terdapat calon yang lemah menjawab soalan berbentuk pandangan tambahan, persilangan, melukis bentuk sebenar dan hampanan kon tegak terpenggal.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon dalam kumpulan cemerlang**

Calon mempunyai pengetahuan yang amat baik dalam Lukisan Geometri Dan fabrikasi logam menjawab dapat menepati tugas dan pemarkahan. Calon mempunyai kemahiran dan dapat mengaplikasi kaedah melukis dengan baik. Calon dapat mempamerkan kebolehan dan ketrampilan untuk menjawab soalan dengan lengkap dan sempurna.

Calon dalam kumpulan tertinggi

Mutu jawapan calon baik. Calon mempunyai kemahiran melukis dan menjawab soalan tertentu dengan baik. Kebanyakan calon tidak menjawab soalan 1, 2 dan 5 dengan lengkap. Hanya sebahagian calon menjawab mengikut kaedah yang betul.

Calon dalam kumpulan sederhana

Mutu jawapan calon adalah sederhana. Beberapa bahagian daripada jawapan tidak menepati pemarkahan dan tugas. Lukisan calon tidak lengkap dan tepat. Hanya soalan 3 dan 4 sahaja calon dapat menjawab mengikut kaedah yang betul.

Calon dalam kumpulan terendah

Mutu jawapan calon lemah kerana hampir semua soalan tidak dijawab dengan lengkap dan kurang menepati pemarkahan. Calon kurang memahami kehendak soalan serta kurang ketrampilan dan pengetahuan untuk menjawab soalan.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1

Soalan memerlukan calon membina sudut 75 darjah pada titik A dan membina satu bulatan menyentuh sempadan sudut dan bertanggen pada titik P. Majoriti calon cuba menjawab soalan ini, tetapi hanya sebilangan kecil daripada calon yang mendapat markah penuh. Sebilangan kecil daripada calon tidak dapat membina sudut 75 darjah dengan lengkap dan tidak dapat tentukan pusat bulatan dengan betul.

Soalan 2

Soalan ini memerlukan calon melukis bentuk sebenar segitiga ABC. Ramai calon yang menjawab soalan ini tidak memahami kehendak soalan dan tidak tahu kaedah melukis. Hanya sebahagian calon sahaja yang dapat menjawab soalan ini dengan tepat.

Soalan 3

Soalan ini memerlukan calon melukis semula plat pencontoh yang diberi dan ditunjukkan dengan jelas kaedah untuk mendapatkan tangen A, B, C, D, E dan F. Hanya sebilangan kecil calon tidak menjawab soalan ini. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan memuaskan tetapi sebilangan kecil daripadanya lemah dalam menentukan titik tangen ABCD dan tidak memahami kaedah membina tangen EF. Sebilangan kecil sahaja calon yang dapat menjawab soalan ini dengan tepat.

Soalan 4

Soalan ini memerlukan calon melukis pandangan ortografik unjuran sudut ketiga sebuah objek kepada pandangan isometri. Majoriti calon menjawab soalan ini. Sebahagian besar dapat menjawab dengan memuaskan. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan tepat. Sebilangan kecil daripada calon tidak dapat mentafsir rajah dengan betul, tidak dapat membina lengkung isometri dengan tepat dan tidak dapat membina bahagian sendeng dengan tepat.

Soalan 5

Soalan ini memerlukan calon melukiskan pelan tambahan sebuah objek yang terpenggal. Hanya sebilangan kecil daripada calon tidak menjawab soalan ini. Walau bagaimana pun majoriti calon cuba menjawab soalan ini. Hanya segelintir daripada calon yang dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Kebanyakan calon hanya dapat unjurkan garisan unjuran ke satah XY sahaja. Daya imaginasi calon pula adalah lemah.

Soalan 6

Soalan ini memerlukan calon melengkapkan pelan dan pelan tegak hadapan bagi sebuah objek yang dilukis dalam unjuran sudut ketiga. Hanya sebilangan kecil daripada calon tidak menjawab soalan ini. Walaupun majoriti calon cuba menjawab soalan ini tetapi prestasi yang dipamerkan terlalu lemah. Kebanyakan calon tidak memahami kehendak soalan dan tidak tahu kaedah melukisnya. Hanya sebilangan kecil daripada calon yang dapat menjawab dengan tepat. Kebanyakan calon, tidak dapat tentukan titik persilangan antara prisma dengan silinder. Tidak dapat mentafsir bentuk objek yang bersilang dengan jelas. Imaginasi calon adalah lemah dan calon tidak faham konsep unjuran.

Soalan 7

Soalan ini memerlukan calon melukis semula rajah diberi dalam ukuran saiz penuh dan melukis hampan separuh heksegon sekata tanpa lubang persilangan serta melukis hampan kon tegak terpenggal pada kertas lukisan yang dibekalkan. Soalan ini kurang mendapat sambutan dimana sebahagian daripada calon tidak jawab atau menjawab dengan melukis semula rajah tanpa lengkung persilangan dan hanya sebilangan kecil daripada calon mendapat markah penuh. Soalnya tetapi telah memerangkap calon pada hampan kon tegak dimana kebanyakan jawapan calon tidak menggunakan panjang sebenar yang betul. Kebanyakan calon, tidak dapat melukis lengkung persilangan pada rajah salin semula. Melukis hampan kon tegak terpenggal tidak menggunakan ukuran panjang sebenar yang betul. Menanda ukuran lilitan dengan jarak tapak yang salah. Sebilangan kecil calon tidak tahu melukis heksegon sekata.

Soalan 8

Soalan ini memerlukan calon melukis semula rajah diberi dalam ukuran saiz penuh dan melukis hampan prisma tidak sekata yang terpenggal serta bahagian pengubah segiempat pada kertas yang dibekalkan. Soalan ini mendapat sambutan yang lebih baik berbanding soalan 7 dengan sebilangan kecil daripada calon menjawab dengan melukis rajah diberi sahaja. Sebilangan kecil daripada calon berjaya mendapat markah penuh. Kebanyakan calon, tidak dapat tafsir ukuran lilitan prisma dengan tepat, tidak dapat membina panjang sebenar dengan betul dan membina hampan segitiga tanpa menggunakan panjang sebenar.

SARANAN KEPADA CALON

1. Mengetahui dan dapat menguasai kaedah asas lukisan geometri.
2. mengetahui kaedah asas mendapat ukuran panjang sebenar.
3. membuat latihan melukis yang cukup supaya pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dapat dimantapkan.
4. Sentiasa berbincang dengan guru, rakan kelas untuk menyelesaikan masalah terutama lukisan fabrikasi logam.
5. Membiasakan diri dengan simbol lukisan yang biasa digunakan dalam soalan peperiksaan dan berusaha meningkatkan daya imaginasi calon melalui latihan yang berkaitan.

SARANAN KEPADA GURU

1. Memberi latihan melukis yang banyak untuk mantapkan konsep atau kaedah yang telah diajar.
2. Tekankan dalam pengajaran dan latihan tentang ketepatan masa, konsep dan kaedah asas yang digunakan untuk menyelesaikan sesuatu soalan.
3. Beri tumpuan latihan melukis mengikut minat dan kebolehan calon supaya pencapaiannya menepati kemampuan individu.
4. Pantau hasil kerja calon bukan banyakkkan latihan tetapi tidak dipantau dan di beri bimbingan dan memastikan tahap motivasi pelajar sentiasa tinggi.